

Qalam

Bilangan 130, Dhū al-Qa‘idah 1380, Mei 1961, 60 sen

Parti-parti Siasah Dengan Islam

Di dalam perkembangan siasah di tanah air kita sekarang maka di antara sebuah dengan sebuah parti-parti siasah itu berikhtiar cuba menarik orang-orang Islam memasuki partinya. Untuk ini berikhtiarlah mereka dengan seberapa daya upaya mereka menarik orang-orang menyertainya atau sekurang-kurangnya tertarik perhatian kepadanya atau menjadi penyokongnya.

Oleh kerana orang-orang Melayu umumnya beragama Islam, untuk menarik mereka banyaklah dicari jalan untuk menjadi daya penarik itu. Di antara daya penarik yang dibuat mereka, yang lebih berkesan adalah dengan jalan agama. Mereka mengetahui bahawa orang-orang Islam itu umumnya cetek atau kurang mengerti dalam agama, dan kerana itu sangatlah mudah bagi mereka mengadakan atau menghubungkan faham atau perdirian pertubuhan mereka dengan agama, sekalipun pada dasarnya fahaman perdirian pertubuhan mereka bertentangan dengan agama Islam.

Dengan ini maka dapat kita mendengar semboyan-semboyan umpamanya daripada orang-orang Sosialis bahawa Sosialis adalah berdasar Islam kerana di dalam Islam itu ada hak-hak persamaan; orang-orang demokrat pula mengatakan bahawa Islam itu ialah agama demokrasi; orang-orang kebangsaan pula menghidupkan semboyan bahawa Islam itu adalah mendasarkan kebangsaan dengan membawa dalil-dalil “kasihkan watan adalah daripada iman” iaitu suatu perkataan yang dikatakan sebagai

hadis Nabi padahal sebenarnya ia bukan daripada hadis Nabi (S.A.W.).

Begitulah mereka menggunakan agama untuk menarik rakyat supaya terpengaruh kepada mereka. Ada pula sesetengah-setengahnya mereka bersembahyang pada suatu masa, jika masyarakat dilihatnya keras dalam perkara itu dan pada tempat yang lain mereka berjoget pula dengan meminum barang-barang yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Apakah sebenarnya agama Islam yang diturunkan oleh Allah dan yang disampaikan oleh Rasul-Nya Muḥammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* itu agama Sosialis, demokrasi dan kebangsaan?

Untuk menjawab ini maka marilah kita perhatikan dengan saksama dalam hal ini. Agama Islam itu ialah agama Allah – bukan agama Sosialis, bukan agama demokrasi, dan bukan agama kebangsaan. Islam itu adalah ia agama Islam yang mempunyai kaedah atau caranya bersendiri yang ditentukan oleh Tuhan bagaimana caranya dan bentuknya serta rupanya – tidak ada campuran atau bentuknya yang lain yang boleh dibina atau dirancangkan atau disusun oleh manusia. Caranya, susunannya dan sebagainya adalah bersendiri, sekalipun harus ada sebahagiannya hampir-hampir serupa dengan keadaan-keadaan yang tersebut.

Ia bukan **agama Sosialis** seperti dasar Sosialis yang ada sekarang, kerana sekalipun ada di dalamnya menganjurkan persamaan tetapi Islam masih ada pula mempunyai ketentuan-ketentuan kepada hak-hak ketuanan bagi seseorang di dalam hartanya – siapa berusaha lebih ia akan mendapat daripada usaha dan kebolehannya – ia berhak di atas harta yang didapatinya – yang diwajibkan kepadanya hanya zakat daripada hartanya dan digalakkan bersedekah dan berbuat kebajikan kepada umum – padahal orang-orang Sosialis menghapuskan hak-hak ketuanan seseorang.

Agama Islam pula **bukan agama demokrasi** kerana

sungguhpun agama Islam itu menganjurkan permesyuaratan dan perundingan tetapi dasar permesyuaratan Islam tidak kepada undi (mengikut suara lebih). Ia didasarkan kepada keputusan yang membawa kepada manfaat sedang di dalam bahagian-bahagian yang tertentu mengenai hal-hal yang telah ada ketentuannya dan binaannya tidak boleh diambil daripada pendapat suara yang terbanyak tetapi hendaklah diambil daripada kebersihan atau pengertian keahlian di dalam sesuatu perkara yang dibina itu. Padahal di dalam dasar-dasar demokrasi sekarang suara lebih telah boleh mengambil sesuatu keputusan dan suara dua pertiga telah dapat menetapkan sesuatu untuk mengubah sesuatu dasar.

Agama Islam juga bukan dibina di atas dasar kebangsaan. Islam menghapuskan di dalam dasarnya dasar-dasar yang bersifat kebangsaan itu. Kalau dasar-dasar kebangsaan dibina ertiinya tiap-tiap sesuatu bangsa itulah sahaja yang berhak di atas negerinya sendiri – bangsa itulah sahaja yang dipertuan.

Sungguhpun Islam membenarkan adanya bersuku-suku dan ber kaum- kaum, tetapi bersuku-suku dan ber kaum- kaum itu tidaklah bermakna ia mesti ditegakkan dan terus dipertahankan.

Agama Islam hanyalah mengutamakan persaudaraan di antara satu dengan lain dengan taraf yang sama dan tidak ada perbezaan bahkan ia dibina di atas suatu dasar persamaan dan berkasih sayang serta tolong-menolong dan bantu-membantu.

Dengan keterangan-keterangan yang tersebut ini semoga dapatlah kiranya sekalian *ikhwān al-Muslimīn*, terutamanya orang-orang awamnya, mendapat panduan supaya jangan kita lekas terpengaruh kepada perkataan-perkataan manis untuk memikat kita. Kita wajib berjaga dan berkawal dengan cermat dan wajib berpegang kepada dasar-dasar agama kita. Janganlah hendaknya kita jadi pengikut-pengikut buta! Orang katakan bahawa agama Islam itu agama demokrasi maka kita pun mengatakan begitu dan lalu dijadikan alat untuk tidak usul periksa. Demikian juga apabila disebut bahawa agama Islam tidak

bertentang dengan dasar Sosialis lalu kita pun mengikut padahal dasar Islam adalah bertentang dengan dasar Sosialis itu. Demikian juga kalau orang sebut bahawa agama Islam adalah agama kebangsaan padahal terang-terang Rasulullah menegah kita mengagungkan atau mendasarkan perjuangan kita kepada dasar kebangsaan itu.

Dasar perjuangan Islam yang sebenar ialah mendasarkan perjuangannya kepada tauhid dan berjihad pada jalan Allah dengan harta dan diri kalau perlu dengan darahnya, untuk menegakkan kalimah Tuhan itu. Ia menyuruh berbuat kebaikan dan menegah daripada kejahanatan. Ia menggalakkan persaudaraan dan berkasih sayang kepada tiap-tiap manusia. Dasar inilah yang disampaikan oleh Allah kepada Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alaiyhi wa sallam* supaya disampaikan olehnya kepada seluruh manusia. Dasar inilah yang disebut oleh Tuhan sebagai menyatakan tugas yang dibawa oleh Nabi Muhammad (S.A.W.) dengan firmannya :

*Muhammadun rasūlu Allāhi wa alladhīna ma’ahū ashiddā’u ‘alā al-kuffārī
ruḥamā’u baynahum tarāhūm rukkā’an sujjadān yabtagħiħna fuq lan minnā Allāhi
wa riḍwānā.*

Ertinya : “Muhammad itu Rasul (Pesuruh) Allah, dan orang-orang yang beserta dengannya keras (tegas) terhadap orang-orang kafir, (dan) berkasih-sayang di antara mereka sesama sendiri (sesama Muslimin), engku lihat mereka rukuk dan sujud, mencari keredaan daripada Allah.”

Umat Muslimin insaflah! Berhati-hatilah kita supaya jangan mudah terikut-ikut kepada acuman-acuman atau dalih-dalih orang untuk menjadikan kita alat untuk dijadikan tangga loncatan mereka. Insaflah!

Sekali Lagi *Jamiyyah*

Di dalam keluaran yang lalu, kita telah menyatakan rasa dukacita kita terhadap kepada *Jam‘iyyah al-Da‘wah al-Islamiyyah* Singapura atas dasarnya tidak membenarkan PAS untuk menggunakan tempatnya mengadakan mesyuarat am kaum Muslimin